

**Presiden Kazakhstan Tiba Untuk Lawatan Dua Hari
Bernama
17 April , 2012**

SEPANG, 17 April (Bernama) -- Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev tiba di Kompleks Bunga Raya Complex, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini untuk lawatan negara dua hari bermula Selasa.

Pesawat yang membawa Nazarbayev mendarat di KLIA pada 3.30 petang dan sejeurus ketibaan beliau diperkenalkan kepada Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman oleh rakan sejawatan Anifah dari Kazakshtan Yerzhan Kazykhanov.

Turut hadir menyambut ketibaan Nazarbayev ialah Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman Abu Mansor selaku menteri pengiring.

Ini lawatan ketiga Nazarbayev ke Malaysia dalam tempoh 16 tahun, yang mencerminkan hubungan erat antara Malaysia dan Kazakhstan. Dua lawatan terdahulu adalah pada 1996 dan 2006.

Pada lawatan kali ini, Nazarbayev diiringi delegasi yang terdiri daripada menteri dan juga pegawai kanan kerajaan.

Nazarbayev dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada Rabu.

Beliau juga dijangka bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya pada Rabu bagi mesyuarat delegasi untuk membincangkan isu dua hala, rantau dan antarabangsa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659708>